



**JABATAN KEJURUTERAAN
MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG**

BORANG GARIS PANDUAN MENGELOMOKKAN PELAN KERJATANAH

No. Fail :

Tajuk Projek :

.....

Pemaju/ Pemilik :

Jurutera Perunding :

***Nota :** Sila memenuhiisikan tajuk permohonan dan perkara yang dikemukakan didalam pelan kerjatanah*

<input type="checkbox"/>	Telah dikemukakan	<input type="checkbox"/>	Tidak Dikemukakan	<input type="checkbox"/>	TB	<input type="checkbox"/>	Tidak Berkaitan
--------------------------	-------------------	--------------------------	-------------------	--------------------------	----	--------------------------	-----------------

BIL	BUTIRAN	PSP
1.	Menunjukkan pelan kunci, pelan lokasi (terkini) dan pelan tapak serta mewarnakan / menandakan kawasan-kawasan tapak cadangan dan menunjukkan dengan jelas di dalam pelan kawasan pembangunan dan lot-lot bersebelahan.	
2.	Pelan yang dikemukakan hendaklah selaras dengan teratur / Kebenaran Merancang (DO) yang dikemukakan kepada Jabatan Perancang Bandar Majlis Perbandaran Pasir Gudang.	
3.	Mengemukakan pelan ukur keseluruhan kawasan dan sekitar termasuk menunjukkan rizab jalan atau parit yang bersambung ke jalan utama atau jalan JKR yang terdekat dan parit utama atau sungai yang berhampiran. Pelan ukur hendaklah disertakan dengan pelan kontour serta 'platform level' bagi kawasan pembangunan dan sekitarnya dengan jarak 50 meter sekeliling bangunan .	
4.	Menunjukkan aras tapak yang dicadangkan dan sedia ada di dalam pelan dan aras level jiran-jiran sedia ada dengan jarak 50 meter sekeliling bangunan . Mengemukakan pelan keratan rentas menegak dan melintang serta menunjukkan 'platform level' bagi keseluruhan kawasan pembangunan termasuk kawasan jiran bersebelahan.	
5.	Menunjukkan jalan sedia ada yang digunakan bagi tujuan jalan keluar masuk ke tapak pembangunan hingga ke jalan utama semasa pembinaan serta penyelenggaraan.	

BIL	BUTIRAN	PSP
6.	Ketinggian maksimum cerun tambakan dan potongan yang di bentuk hendaklah tidak lebih 5 meter dan luas ‘berm’ antara 1.2 meter- 1.5 meter serta dibina system perparitan sempurna.	
7.	Semua cerun potongan dan tambakan hendaklah di dalam kawasan cadangan pembangunan sahaja.	
8.	Kerja-kerja pemotongan dan penambakan yang melibatkan tanah persendirian/ tanah kerajaan hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis dari pemilik lot tersebut terlebih dahulu. 1 salinan surat kebenaran tersebut hendaklah dikemukakan.	
9.	Nisbah kerja pemotongan yang dibenarkan ialah 1 :1½ dan nisbah bagi kerja penambakan ialah 1 : 2 serta system perparitan hendaklah ditunjukkan di dalam pelan.	
10.	Menunjukkan di dalam pelan kerja-kerja penambakan dan pemotongan dengan mewarnakan setiap bahagian tersebut dengan biru dan merah. Menunjukkan keratan rentas A-A dan B-B dengan jarak 50 meter.	
11.	Kuantiti kerja tanah yang terlibat hendaklah ditunjukkan dalam pelan serta satu salinan pengiraan kuantiti tanah disertakan untuk menentukan sama ada terdapat tanah berlebihan atau perlu diimport bagi mengawal pengangkutan tanah ke tapak bina.	
12.	Menunjukkan di dalam pelan kedudukan tembok penahan yang dicadangkan. Mengemukakan pelan butiran serta laporan rekabentuk bagi tembok penahan yang dicadangkan.	
13.	Struktur penstabilan cerun yang dicadangkan hendaklah dilengkapi dengan system saliran di bahagian atas dan bawah struktur serta laporan analisa kestabilan struktur penstabilan cerun.	
14.	Tembok penahan atau pengukuhan cerun mestilah dibina serentak dengan kerja-kerja tanah bagi mengelakkan berlakunya tanah runtuh.	
15.	Hendaklah mengemukakan laporan geoteknikal bagi projek di kawasan berbukit.	
16.	Cerun yang melebihi 3 meter ketinggiannya hendaklah ditunjukkan dengan warna hijau di dalam pelan untuk membezakan ketinggian cerun.	
17.	kerja-kerja penanaman rumput hendaklah dibuat di kawasan yang bercerun sebaik saja kerja-kerja tambakan dan potongan siap di satu bahagian.	
18.	Kesemua cerun tanah yang menghalang jalanraya atau parit tepi jalan hendaklah ditanam rumput secara rapat-rapat serentak dengan kerja tanah bagi mengelakkan berlakunya hakisan tanah.	
19.	Mengemukakan pelan Kawalan Hakisan Kelodak (ESCP) serta kaedah perlaksanaan yang digunakan.	
20.	Semua parit-parit dari pembangunan yang akan mengalirkan masuk ke parit tepi jalan mestilah melalui perangkap kelodak yang dibina oleh pemaju.	
21.	Menunjukkan lokasi-lokasi ‘ Silt Trap ’ di dalam pelan serta diwarnakan kuning dan mengemukakan 2 salinan kiraan bagi perangkap kelodak.	
22.	Saluran keluar bagi ‘Silt Trap’ hendaklah menggunakan ‘rise piper’ sebelum disalur keluar ke longkang sedia ada.	

BIL	BUTIRAN	PSP
23.	Longkang sementara yang dicadangkan mestilah longkang konkrit dan perlulah dibina di sepanjang sempadan kawasan pembangunan dan disalaurkan ke ‘Silt Trap’ yang dicadangkan sebelum disalurkan keluar longkang sedia ada.	
24.	Lebar minima (top width) bagi semua parit infrastruktur hendaklah berukuran minima 600mm dan bagi pembentung ‘culvert’ minima 900mm garis pusat.	
25.	Parit-parit tanah direkabentuk, ditunjuk dan diadakan bagi mengawal pengaliran air dan mengurangkan kesan hakisan tanah.	
26.	Pagar-pagar keselamatan (hoarding) hendaklah didirikan di sempadan tanah pemaju bagi menghalang orang awam daripada memasuki kawasan pembinaan dan tidak boleh dilihat oleh orang awam.	
27.	Dinding penahan (Retaining Wall) hendaklah dibina daripada jenis konkrit tetulang (RC Wall) atau sama dengannya.	
28.	Menyediakan ‘ temporary heavy duty interlocking concrete paver ’ di jalan keluar masuk ke kawasan pembangunan. Pelan butiran bagi cadangan tersebut hendaklah dikemukakan.	
29.	Menyediakan ‘ temporary I beam wash through ’ dan dilengkapi dengan ‘ water jet ’ di jalan keluar masuk ke kawasan pembangunan. Pelan butiran bagi cadangan tersebut hendaklah dikemukakan.	

Tandatangan & Cop Nama Jurutera Bertauliah

Tarikh :